

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Pepriksaan Semester Pertama

Sidang Akademik 2000/2001

September/Okttober 2000

HTV 201 – Teknik Berfikir

Masa: [2 jam]

KERTAS PEPERIKSAANINI MENGANDUNGI ENAM [6] SOALAN DI DALAM DUA [2] HALAMAN.

Jawab **SATU** [1] soalan dari setiap bahagian A dan B.

Sila catatkan dengan jelas nama tutor yang mengendalikan tutorial anda di sudut kiri skrip.

BAHAGIAN A : Jawab satu soalan sahaja

1. Masalah disiplin dan kurang minat pelajar terhadap pelajaran di kalangan pelajar sekolah sering dipaparkan di akhbar dan televisyen. Pelajar kurang menumpukan perhatian terhadap pelajaran sebaliknya lebih berminat menghabiskan masa dengan mengunjungi pusat-pusat hiburan. Dengan berteraskan provokasi di bawah,

“Aktiviti sekolah sama dengan aktiviti pusat hiburan”

berserta dengan Enam Topi Berfikir,

- (i) jana pelbagai alternatif yang mungkin
- (ii) sediakan suatu garis panduan yang boleh digunakan oleh pihak sekolah untuk menarik minat pelajar terhadap pelajaran dan sekolah.

2. Malaysia mungkin tidak mampu menghasilkan rupa bentuk masyarakat yang beridentiti dan berbudaya Malaysia pada masa hadapan disebabkan oleh masalah-masalah berikut:
 - a. Globalisasi dan ledakan teknologi maklumat
 - b. Jatidiri yang sering tewas oleh serangan kebendaan.

Dengan menggunakan gaya pemikiran kritis, logik dan kreatif, bincangkan bagaimana masalah-masalah di atas dapat ditangani.

BAHAGIAN B: Jawab satu soalan sahaja

3. Dengan menggunakan Enam Topi Berfikir bincangkan bagaimana melahirkan lebih ramai tenaga profesional yang berkualiti dalam menuju ke arah matlamat negara maju.
4. Fenomena jerebu yang kembali melanda negara kita merupakan petunjuk bahawa usaha-usaha yang dijalankan selama ini masih belum cukup untuk memastikan negara kita bebas dari masalah ini. Walaupun masalah ini dikatakan berpunca daripada pembakaran terbuka yang berlaku di negara jiran, penduduk negara ini tidak harus berpeluk tubuh sahaja sambil menunggu negara jiran menghilangkan punca masalah tersebut. Anda sebagai ahli Persatuan Pencinta Alam Malaysia diminta untuk mengadakan satu kempen kesedaran peringkat negeri Pulau Pinang untuk meningkatkan kepekaan masyarakat tentang masalah jerebu dan peranan mereka dalam menangani masalah ini. Gunakan pemikiran kreatif melalui desain untuk merangka perjalanan kempen tersebut.
5. Konsep ‘Masyarakat Penyayang’ telah cuba diterapkan dalam masyarakat majmuk Malaysia dalam usaha kerajaan untuk memupuk nilai-nilai murni dalam interaksi masyarakat tempatan. Gunakan PMI, CAF, FIP dan C&S untuk melaksanakan konsep masyarakat penyayang dengan jayanya di Malaysia.
6. Sistem pendidikan di Malaysia adalah berorientasikan peperiksaan yang hanya menilai kognitif pelajar. Dengan menggunakan teknik-teknik berfikir yang sesuai, bagaimanakah anda boleh mengubah paradigma guru supaya memberi tumpuan pada semua aspek perkembangan pelajar, iaitu jasmani, emosi, rohani dan intelek (JERI), di dalam pengajaran dan pembelajaran.